

KONTEMPORARI DAN BERPANDANGAN JAUH

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) mempelawa anda yang berkeelayakan, dinamik dan berpandangan jauh untuk mengisi kekosongan jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana secara **TETAP**. Kekosongan jawatan adalah seperti berikut;

- | | |
|--|--------------|
| 1. Pegawai Pemulihan Perubatan, Gred U41 | 1 kekosongan |
| 2. Pustakawan, Gred S41 | 1 kekosongan |
| 3. Pegawai Psikologi, Gred S41 | 1 kekosongan |
| 4. Pegawai Tadbir, Gred N41 | 1 kekosongan |
| 5. Arkitek, Gred J41 | 1 kekosongan |
| 6. Penolong Pegawai Seni Bina, Gred JA29 | 1 kekosongan |

KEKOSONGAN JAWATAN DAN SYARAT-SYARAT LANTIKAN

1. Pegawai Pemulihan Perubatan, Gred U41

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
U41	2,429.00	9,656.00	225.00

- (i) Pemohon hendaklah memiliki ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang pemulihan perubatan (**pertuturan**) atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. **dan**
- (ii) Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2. Pustakawan, Gred S41

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
S41	2,078.00	9,544.00	225.00

- (i) Pemohon perlu mempunyai Ijazah Sarjana Muda Kejujian Sains Pengajian Maklumat (Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat atau Pengurusan Pusat Sumber Maklumat) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**
- (ii) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang perpustakaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**
- (iii) Ijazah Sarjana Sains Perpustakaan dan Maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya **Dan**
- (iv) Kejujian dalam subjek Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Pegawai Psikologi, Gred S41

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
S41	2,078.00	9,544.00	225.00

Pemohon perlu mempunyai ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang psikologi, psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

atau

ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains tingkahlaku berserta Diploma Psikologi Kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

atau

ijazah sarjana dalam bidang psikologi, psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

atau

ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang psikologi, psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Dan

Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Pegawai Tadbir, Gred N41

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
N41	2,080.00	9,546.00	225.00

(i) Pemohon perlu mempunyai ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

atau

(ii) ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

Dan

(iii) Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

5. Arkitek, Gred J41

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
J41	2,529.00	9,643.00	225.00

(i) Pemohon perlu mempunyai Ijazah Sarjana Muda Seni Bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Dan

(ii) Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

6. Penolong Pegawai Seni Bina, Gred JA29

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kenaikan Gaji Tahunan (RM)
JA29	1,549.00	5,701.00	145.00

- (i) Pemohon perlu mempunyai sijil dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
atau
- (ii) diploma dalam bidang seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
dan
- (iii) Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT KEWARGANEGARAAN DAN UMUR

Pemohon hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia dan hendaklah berumur tidak kurang daripada lapan belas (18) tahun pada tarikh iklan ditutup.

PERMOHONAN

A. Prosedur Permohonan

Pemohon hendaklah memohon melalui borang permohonan jawatan secara atas talian (eRecruitUNIMAS) yang boleh dicapai melalui pautan berikut:
<https://ehcm.unimas.my/eRecruitUNIMAS>.

B. Tempoh Permohonan

Permohonan ini dibuka mulai **13 Julai 2020 – 22 Julai 2020**.

KETERANGAN AM

A. Makluman Ujian Khas/Tapisan Memasuki Perkhidmatan dan/atau Temuduga

Pemohon yang telah disenarai pendek akan dipanggil untuk menjalani ujian/proses tapisan yang akan ditetapkan oleh UNIMAS (jika perlu) sebelum dipanggil ke sesi temuduga.

Pemohon tidak perlu menghantar sebarang dokumen sehingga dipanggil untuk menghadiri ujian tapisan/temuduga (disenarai pendek) **tetapi** perlu memuatnaik **semua** sijil-sijil berkaitan mengikut keperluan eRecruitUNIMAS seperti berikut:

- (a) Kad Pengenalan.
- (b) Sijil Kelahiran.
- (c) Sijil-sijil akademik yang berkenaan beserta transkrip
 - i. PMR/SRP/setaraf;
 - ii. SPM/setaraf;
 - iii. STPM/Diploma;
 - iv. Ijazah Sarjana Muda;
 - v. Ijazah Sarjana dan
 - vi. PhD (Doktor Falsafah)
- (d) Sijil-sijil atau dokumen lain yang berkaitan.

Permohonan yang **tidak lengkap** tidak akan diproses.

B. Makluman lain

Pemohon yang tidak menerima sebarang maklumbalas selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **tidak berjaya**.